

Rujukan kami : PNM(KPS)125 Jld2(20)

Tarikh : 31 hb, Mei 2017

Bersamaan : 5 Ramadan 1438H

Semua Ketua Jabatan / Pusat Tanggungjawab  
**Negeri Melaka**  
**(Seperti Senarai Edaran)**

YB Datuk Wira/YB Datuk/Tuan/Puan,

**PERINGATAN MENGENAI PEKELILING KEWANGAN DAN PERBENDAHARAAN NEGERI  
BIL. 1 TAHUN 2013 - TATACARA PEMBAYARAN DI BAWAH AP 58(a)**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Surat ini bertujuan untuk memaklumkan dan memberi peringatan berhubung Tatacara Pembayaran Di bawah AP 58(a). Semua Jabatan dan Pusat Tanggungjawab perlu mematuhi Pekeliling Kewangan dan Perbendaharaan Negeri Bilangan 1 Tahun 2013 yang dikeluarkan pada bulan Mac 2013 dan Surat Arahan Operasi Bendahari Bil. 2 Tahun 2017 yang dikeluarkan oleh Perbendaharaan Negeri pada 27hb Januari 2017.

3. Lanjutan daripada perkara tersebut Jabatan Kewangan dan Perbendaharaan Negeri Melaka (JKPNM) ingin memberi peringatan sekali lagi bahawa tempoh pembayaran di bawah **AP 58(a)** adalah dalam **tempoh 6 bulan selepas tahun kewangan ditutup**. Ini bermakna mana-mana permohonan untuk kelulusan AP 58(a) yang diterima selepas **30 Jun 2017** tidak akan dipertimbangkan. JKPNM akan mengesyorkan pembayaran di bawah AP 59 atau mengenakan tindakan surcaj sekiranya pihak JKPNM tidak berpuashati dengan justifikasi yang dikemukakan.

4. Adalah diingatkan Jabatan/PTJ hendaklah memastikan semua tuntutan /inbois yang dikemukakan adalah betul dan teratur, serta diselesaikan dengan kadar segera.

5. Sebarang pertanyaan boleh hubungi **Pegawai di Unit Belanjawan** ditalian **06-2307 530/2307 489/ 2307 534 / 2307 586**.

Sekian, terima kasih.

**"MELAKA MAJU NEGERIKU SAYANG FASA II"**

**"BERKAT, TEPAT, CEPAT"**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menurut perintah,

  
**(DATUK ROSLAN BIN IBRAHIM)**

Pegawai Kewangan Negeri

**MELAKA**

s. k : Bendahari Negeri – Untuk makluman